

*(To view the Bahasa Melayu version of the Community Guidelines, please scroll below/ Untuk melihat versi Bahasa Melayu bagi Garis Panduan Komuniti ini, sila rujuk di bahagian bawah)*

## **COMMUNITY GUIDELINES**

Welcome to TRUE Lab Community!

All we want is for TRUE Lab Community to be a fun and safe platform to bring together different users from different walks of life to discover their greatest passion, dreams and potential. You will find plenty of useful information on this site but first, here are some simple common-sense guidelines you'll need to bear in mind to ensure you and other users will have a great experience on this site:

### **Please do**

1. Keep posts succinct and specific.
2. Share your ideas in English and keep your ideas free of links to other websites.
3. Make sure the information you enter about yourself is accurate and truthful, with no more than one TRUE Lab Community profile per user.
4. Guard your anonymity and sensitive information. Think carefully on the information about yourself that you should reveal in your ideas and comments.
5. Remember that this is a user-generated content site and we cannot guarantee the accuracy of the content that is posted on TRUE Lab Community.
6. Respect all other users and conduct yourself in a courteous manner.
7. Be informative and help your fellow users.
8. Ask for help when unsure.
9. Do have meaningful & genuine interactions by empowering other users.
10. Do have fun!

### **Please don't**

1. Reveal any personal and/ or confidential information, i.e. bank account details.
2. Harass or do anything that would be perceived as stalking, intimidation or inciting others to do the same.
3. Post any confidential information or ideas that could infringe the rights of other people, including customers, suppliers, employees and any third parties.
4. Use profanities, racist, sexist, abusive, threatening, defamatory, obscene, pornographic or deliberately inflammatory language and/or images.
5. Spam, troll or intentionally post inflammatory messages.
6. Provide your password to any other user or use any other user's name and password.
7. Upload or transmit any computer viruses or material that is defamatory, offensive and obscene.
8. Advocate or recommend publicly for other advertisements by third parties.

9. Post, discuss, distribute, or link to pirated software, pornography or any other material which is prohibited by any Malaysian law.
10. Post any political or religious topics or spread political propaganda, racial vilification or religious hatred or contempt anywhere within this community.

By posting ideas on TRUE Lab community, you're allowing us to modify, use, disclose or adapt these ideas as our own. We'll have ownership of these ideas and any current or future intellectual property. As a result you're not liable to receive any form of compensation.

We will review reported or flagged users accounts and content and will determine whether or not they violate these guidelines. We also reserve the right to take necessary and appropriate actions on users who exhibit behaviours that are disruptive to TRUE Lab Community although not explicitly defined and covered in the Community guidelines.

Accounts are penalized for Community Guidelines violations - we may issue a warning, suspend you from the community or terminate your account. Any serious or repeated offences will result in your comment being deleted and could lead to your account being blocked from TRUE Lab community.

By registering on the community, all community members, (be they our employees, customers, or partners) agree to the same Community Guidelines and Terms of Service.

### Question

We invite anybody and everybody to participate on this site and to engage with one another in discussions and conversations. However, if you have questions for us that cannot be discussed in the community, please let us know at [hello@truebyambank.com](mailto:hello@truebyambank.com)

### Use of Cookies

We also use cookies to collect some information passively such as the client browser type and IP address information. This information is gathered for all users to our website to track usage and provide a personalized experience.

Most web browsers allow you to manage your cookie preferences. You are in control of how cookies are placed on your device either through Your Cookies Settings on this website or from within your own browser. However do note that if you choose to block cookies, this may affect the performance of the TRUE Lab Community service.

TRUE Lab Community uses the term "cookies" in this guidelines to refer to cookies (including third party cookies) and all such similar technologies that collect information in this way.

## GARIS PANDUAN KOMUNITI

Selamat datang ke Komuniti TRUE Lab!

Apa yang kami mahukan adalah supaya Komuniti TRUE Lab menjadi satu platform yang menyeronokkan dan selamat untuk menemukan pengguna-pengguna berbeza yang datang dari peringkat kehidupan yang berlainan bagi mengetahui keinginan, impian dan potensi terhebat mereka. Anda akan mendapat banyak maklumat berguna di laman ini tetapi terlebih dahulu, di sini disediakan beberapa garis panduan ringkas yang anda perlukan sebagai peringatan bagi memastikan anda dan pengguna lain mendapat pengalaman terhebat di laman ini:

### Sila

1. Pastikan catatan anda ringkas dan khusus.
2. Kongsi idea anda dalam Bahasa Inggeris dan pastikan idea anda bebas daripada pautan ke laman web yang lain.

3. Pastikan maklumat yang anda masukkan tentang diri anda adalah tepat dan benar, dengan tidak lebih daripada satu profil Komuniti TRUE Lab bagi setiap pengguna.
4. Awasi ketanpanamaan dan maklumat sensitif anda. Fikir dengan berhati-hati tentang maklumat berkenaan diri anda yang anda patut dedahkan dalam idea dan komen anda.
5. Ingatlah bahawa ini ialah satu laman di mana kandungannya dihasilkan oleh pengguna dan kami tidak boleh menjamin ketepatan kandungan yang dicatat di Komuniti TRUE Lab.
6. Hormati pengguna-pengguna lain dan bertindaklah dengan sopan dan berbudi bahasa.
7. Jadilah seorang yang informatif dan bantu rakan pengguna yang lain.
8. Mintalah bantuan apabila anda merasa tidak pasti.
9. Wujudkan interaksi yang bermakna dan ikhlas dengan memperkasakan pengguna-pengguna yang lain.
10. Berseronoklah!

### Tolong jangan

1. Dedahkan sebarang maklumat peribadi dan/atau sulit seperti butiran akaun bank.
2. Mengganggu atau melakukan sesuatu yang akan dianggap sebagai menghendap, mengugut atau menghasut pihak lain untuk melakukan perkara yang sama.
3. Mencatat sebarang maklumat sulit atau idea yang boleh melanggar hak orang lain, termasuklah pelanggan, pembekal, pekerja dan mana-mana pihak ketiga.
4. Menggunakan kata-kata kurang sopan, berbaur perkauman, seksis, kesat, menggugut, berupa fitnah, lucah, dan/atau imej-imej pornografi atau bahasa mengapi-apikan perasaan dengan sengaja.
5. Melakukan *spam*, troll atau dengan sengaja mengirim mesej-mesej menghasut.
6. Memberikan kata laluan anda kepada pengguna lain atau menggunakan nama dan kata laluan pengguna lain.
7. Memuat naik atau menyalurkan sebarang virus komputer atau bahan yang berupa fitnah, menyinggung perasaan dan lucah.
8. Menyokong atau mencadangkan secara terbuka iklan-iklan lain oleh pihak ketiga.
9. Mencatat, berbincang, mengedar atau memautkan ke perisian cetak rompak, pornografi atau sebarang bahan lain yang dilarang oleh undang-undang Malaysia.
10. Mencatat sebarang topik berbentuk politik atau agama atau menyebarkan propaganda politik, cercaan perkauman atau kebencian agama atau penghinaan di dalam mana-mana bahagian komuniti ini.

Dengan mencatat idea di Komuniti TRUE Lab, anda membenarkan kami untuk mengubahsuai, menggunakan, mendedahkan atau menyesuaikan idea-idea ini sebagai kepunyaan kami. Kami akan mendapat pemilikan ke atas idea-idea ini dan sebarang harta intelek semasa atau di masa hadapan. Oleh itu anda tidak berhak menerima sebarang bentuk pampasan.

Kami akan meneliti akaun pengguna dan kandungan yang dilaporkan atau ditandai dan akan menentukan sama ada mereka mencabuli garis-garis panduan ini. Kami juga berhak untuk mengambil tindakan yang perlu dan wajar ke atas pengguna yang menunjukkan kelakuan yang

menimbulkan gangguan di Komuniti TRUE Lab walaupun tidak ditafsirkan dan dinyatakan dengan jelas dalam Garis Panduan Komuniti ini.

Akaun-akaun akan didenda di atas pencabulan Garis Panduan Komuniti - kami mungkin akan mengeluarkan amaran, menggantung anda daripada komuniti atau menamatkan akaun anda. Sebarang kesalahan yang serius atau berulang akan menyebabkan komen anda dipadamkan dan boleh membawa kepada akaun anda dihalang daripada Komuniti TRUE Lab.

Dengan mendaftar di komuniti ini, semua ahli komuniti (sama ada mereka adalah kakitangan, pelanggan atau rakan kongsi kami), bersetuju dengan Garis panduan Komuniti dan Terma Perkhidmatan yang sama.

### **Soalan**

Kami menjemput sesiapa jua dan semua orang untuk menyertai laman ini dan melibatkan diri di antara satu sama lain dalam perbincangan dan perbualan. Walau bagaimanapun, jika anda mempunyai soalan untuk kami yang tidak boleh dibincangkan di komuniti ini, sila maklumkan kepada kami di [hello@truebyambank.com](mailto:hello@truebyambank.com)

### **Penggunaan “Cookies”**

Kami juga menggunakan “Cookies” untuk mengumpul sesetengah maklumat secara pasif seperti jenis pelayar pelanggan dan maklumat alamat IP. Maklumat ini dikumpulkan ke atas semua pengguna yang melayari laman web kami bagi menjejak penggunaan dan memberikan pengalaman yang lebih peribadi.

Kebanyakan pelayar web membenarkan anda menguruskan keutamaan “Cookies” anda. Anda boleh mengawal bagaimana “Cookies” diletakkan pada peranti anda sama ada melalui Your Cookies Settings di laman sesawang ini atau daripada dalam pelayar anda sendiri. Walau bagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk menghalang “Cookies”, ini boleh menjejaskan prestasi perkhidmatan Komuniti TRUE Lab.

Komuniti TRUE Lab menggunakan istilah "Cookies" dalam garis panduan ini untuk merujuk kepada “Cookies” (termasuklah “Cookies” pihak ketiga) dan semua teknologi serupa yang seumpamanya yang mengumpul maklumat dengan cara ini.